

21/08/1998

Bersaing tanpa gelaran Bumiputera

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kontraktor Melayu memastikan mereka tidak lagi bergantung kepada gelaran 'Bumiputera' untuk meraih kontrak kerajaan dan swasta pada masa depan.

Walaupun ramai kontraktor Melayu berjaya sekarang, Perdana Menteri belum berpuas hati kerana mereka masih banyak bergantung kepada peluang yang disediakan kerajaan.

"Kita mahu orang Melayu pada satu hari nanti mampu bersaing untuk meraih kontrak swasta di mana-mana saja di seluruh dunia kerana kecekapan dan kebolehan mereka sendiri yang sama tarafnya dengan orang lain.

"Ini dapat dilakukan dengan mengulangi kecekapan yang kita kuasai itu sepanjang masa secara tekun dan serius.

"Satu hari nanti, saya harap kontraktor Bumiputera mendapat kontrak buat bangunan setinggi Kuala Lumpur City Centre (KLCC) tanpa menyebut perkataan Bumiputera dalam 'bracket' (kurungan)," katanya.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) di sini, hari ini. Hadir sama ialah Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; dan Presiden PKMM, Roslan Awang Chik.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak melepaskan tanggungjawab terhadap kontraktor Bumiputera walaupun berharap mereka tidak lagi bergantung kepada kerajaan pada masa depan.

"Kerajaan akan terus memberi peluang mendapat latihan kemahiran sebelum melepaskan mereka daripada penggantungan kepada kerajaan," katanya.

Beliau turut merestui hasrat PKMM supaya identiti kontraktor di negara ini hanya disebut 'Kontraktor Malaysia' pada masa depan, bukan lagi kontraktor Melayu, Cina atau India.

Hasrat PKMM itu dilahirkan oleh Roslan dalam ucapannya sebelum itu.

Menurut Dr Mahathir, kontraktor yang dikaitkan dengan bangsa Bumiputera dan Melayu seolah-olah menunjukkan mereka hanya mampu melakukan sesuatu secara terhad.

Perdana Menteri turut melahirkan kekecewaannya kerana ada orang Melayu yang menuduh Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanya untuk mereka yang menjadi kroni kerajaan saja.

"Ada yang tuduh DEB untuk beberapa kerat saja yang menjadi saudara mara, anak cucu dan rakan-rakan pemimpin negara. Walaupun dituduh seumpama itu, kerajaan tetap akan memberi peluang kepada semua orang.

"Semua orang Malaysia adalah kroni kerajaan kerana semua mendapat faedah sejak di bangku sekolah lagi," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan DEB berjaya mengelakkan Malaysia daripada rusuhan berikutan kegawatan ekonomi.

Katanya, di negara lain, rusuhan berlaku kerana wujud ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan di kalangan rakyat tetapi tidak di Malaysia yang lebih seimbang dalam pengagihan itu.

(END)